



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN




# POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Jabatan Pertanian Malaysia komited untuk menyediakan persekitaran tempat kerja yang kondusif, selamat, dan sihat untuk semua pekerjanya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya dengan merujuk kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan peraturan-peraturannya.

Selaras dengan ini, Jabatan Pertanian Malaysia akan:

- 1 Menyediakan dan menyelenggara suatu tempat dan sistem kerja yang berkualiti, selamat, serta sihat dari sebarang hazard dan risiko;
- 2 Memastikan bahawa semua kakitangan adalah diberi maklumat, arahan, latihan, dan penyeliaan berkenaan cara mereka menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kesihatan;
- 3 Menyiasat ketidakakuran insiden, penyakit pekerjaan, keracunan pekerjaan, dan kejadian berbahaya serta mengambil langkah-langkah untuk memastikan ianya tidak berulang lagi;
- 4 Menyediakan kemudahan kebajikan kepada pekerja.
- 5 Mengkaji semula polisi ini jika perlu.

Jabatan yakin budaya kerja selamat dan sihat adalah faktor utama ke arah memastikan kejayaan misi jabatan.

  
.....  
DATO' ZAHMI BIN HASSAN  
Ketua Pengarah  
Jabatan Pertanian Malaysia

Tarikh : 1 Nov 2021  
.....